KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	-			

Tebang ikut had ditetapkan

Kerajaan Kelantan tegas tiada keperluan henti aktiviti pembalakan kerana ikut kuota

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Kerajaan Kelantan menyifatkan tiada keperluan menghentikan aktiviti penebangan balak di negeri itu berikutan dilakukan mengikut kuota ditetapkan menerusi prosedur operasi standard (SOP) di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

Timbalan Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, bukan semua pokok boleh ditebang sewenang-wenangnya sebaliknya mengikut had ditetapkan kerana tindakan tegas boleh diambil oleh Jabatan Perhutanan.

Katanya, proses penebangan perlu melalui syarat kajian impak alam sekitar (EIA) sebelum kerja pembalakan dibenarkan beroperasi agar dapat menjaga ekosistem hutan sedia ada.

"Kami ingin memaklumkan aktiviti penebangan pokok di negeri ini tidak dilakukan sepanjang Oktober, November dan Disember atas faktor cuaca, yang ada ialah proses membawa balak untuk disimpan di Beta (lokasi simpanan balak).

"Pokok kayu ini ada tempoh usia tertentu yang mana jika tidak ditebang boleh mengganggu proses pertumbuhan selain berisiko tumbang. Justeru, ia perlu ditebang bila sampai masanya dan ditanam semula.

> *Pokok kayu ini ada tempoh usia tertentu yang mana jika tidak ditebang boleh mengganggu proses pertumbuhan selain berisiko tumbang. ia perlu ditebang bila sampai masanya dan ditanam semula"*
>
> **Mohd Amar**

"Penebangan juga perlu mengikut had, sebagai contoh, hanya 3,000 pokok boleh ditebang pada satu-satu masa dan tidak boleh lebih kerana boleh dikenakan tindakan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Amanat Tahun Baru 2022 yang disampaikan Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob di Kompleks Kota Darul Naim di sini, semalam.

Mohd Amar berkata demikian bagi mengulas tindakan lebih 200,000 individu yang menandatangani petisyen bagi menggesa kerajaan mengenakan moratorium atau pemberhentian segera terhadap aktiviti pembalakan buat masa ini.

Mohd Amar berkata, sumber hutan adalah hasil negara bukan sahaja menjadi kebergantungan buat kerajaan negeri Kelantan, malah di negeri lain seperti Pahang dan Sarawak.

"Tidak dapat dinafikan ada kes pembalakan haram di negeri ini yang menjadi masalah, tetapi bukan hanya di Kelantan, malah seluruh negara.

"Kita tidak boleh hentikan penebangan pokok kerana ia sebahagian usaha untuk menjaga alam sekitar yang mana mengikut syarat iaitu dengan menanamnya semula sebaik ditebang," katanya.

Katanya, pembalakan juga bukan sebab utama banjir, malah sebagai penyumbang terbesar hasil negara selain aktiviti berkenaan sentiasa dipantau dari semasa ke semasa.



HANYA 3,000 pokok boleh ditebang pada satu-satu masa dan tidak boleh lebih kerana boleh dikenakan tindakan.